

## **INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **kontrak** (Tabung Amanah) di Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

### **i. JAWATAN**

Bil.	Jawatan	Gred	Status Jawatan	Skim Perkhidmatan	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)
1	Pegawai Eksekutif	N29	Kontrak (Tabung Amanah iCEPS)	Penolong Pegawai Tadbir	1,493.00	5,672.00

### **ii. SYARAT LANTIKAN**

#### **PEGAWAI EKSEKUTIF (GRED N29) (KONTRAK)**

Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c)
  - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 - RM1,493.00) atau
  - ii. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95); dan
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris** sekurang-kurangnya gred C (**termasuk lulus Ujian Lisan**) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **iii. PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

- a. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan.
- b. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai dengan salinan sijil-sijil yang **DISAHKAN** benar.
  - i. Salinan Kad Pengenalan.
  - ii. Salinan Sijil Kelahiran.
  - iii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah/ PT3/ PMR/ SPM/ SVM/ STP/ STPM/ STAM/ HSC/ Sijil Matrikulasi (KPM)/ Diploma atau setaraf.
  - iv. Surat pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/ penetapan gaji.
  - v. Dokumen berkaitan yang boleh menyokong permohonan jawatan yang berkenaan.
- c. Pemohon hendaklah menulis jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.
- d. Hanya permohonan yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3)** bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

### **iv. DESKRIPSI TUGAS (Umum)**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia, Pentadbiran Pejabat, Pengurusan Majlis, Operasi Pemasaran dan Pengambilan Pelajar serta mempromosikan iCEPS di organisasi-organisasi luar.

### **vi. PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perjawatan Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA yang boleh dimuat turun di laman sesawang <https://iceps.uitm.edu.my>.

Tarikh tutup permohonan pada : **25 Jun 2021**

Sila kemukakan permohonan kepada:-

**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)  
ARAS 1, UiTM - MTDC TECHNOPRENEUR CENTRE  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR**

**\*\* Pada sampul permohonan hendaklah ditulis dengan nama jawatan yang dipohon (sebelah kanan bahagian atas).**

Bil.Rujukan: 500-iCEPS (19/2)  
Tutup Iklan: 25 Jun 2021  
Tel: 03-5544 xxxx/4391  
Fax : 03-5544 8345